

08 DEC 2003

Abdullah-Sidang Kemuncak

ABDULLAH HADIRI SIDANG KEMUNCAK KENANG-KENANGAN ASEAN-JEPUN DI TOKYO

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengetuai perwakilan Malaysia ke Sidang Kemuncak Kenang-kenangan Asean-Jepun di Tokyo pada Khamis dan Jumaat ini.

Dalam kenyataan di sini hari ini, Wisma Putra berkata Perdana Menteri akan diiringi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz serta para pegawai kanan kerajaan.

Ini merupakan kunjungan rasmi pertama Abdullah ke luar negara sebagai Perdana Menteri sejak mengambil alih jawatan itu daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas.

Sidang kemuncak itu yang akan berlangsung di Rumah Tetamu Negara Geihinkan adalah bagi meraikan hubungan selama 30 tahun yang terjalin antara Asean dan Jepun. Ia juga merupakan sidang kemuncak pertama yang diadakan antara Asean dan rakan dialognya di luar wilayah Asean.

Pada sidang kemuncak berkenaan yang akan dipengerusikan bersama oleh Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi dan Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri, para pemimpin terlibat akan menilai semula hubungan yang telah terjalin antara Asean dan Jepun serta bertukar-tukar pendapat mengenai usaha memperkukuhkan lagi hubungan sedia ada.

Menurut sumber Asean, sidang kemuncak di Tokyo itu juga dijangka menjadi pemangkin bagi usaha ke arah mempercepatkan penubuhan pasaran bon Asia.

Para pemimpin dijangka membincangkan cadangan yang mampu membawa perubahan kepada landskap ekonomi dan kewangan Asia Timur pada dekad akan datang.

Sumber itu berkata, sidang kemuncak berkenaan juga akan membincangkan dasar khusus mengenai penubuhan hubungan serantau bagi abad ke-21 di samping pembentukan sebuah komuniti yang akan bertindak dan bergerak maju secara seiringan.

Bercakap di Kuala Lumpur bulan lepas, jurucakap Kementerian Luar Jepun Hatsuhiro Takashima berkata negaranya berhasrat memulakan rundingan perdagangan dengan Malaysia, Filipina dan Thailand pada sidang kemuncak itu.

Katanya, langkah itu akan disusuli oleh rundingan mengenai perjanjian kerjasama ekonomi yang menjangkau perjanjian perdagangan bebas, termasuk pelaburan dan perkara lain, sebagai tambahan kepada perjanjian yang telah terjalin antara Tokyo dan Singapura.

Wisma Putra pula berkata sempena sidang kemuncak itu, Abdullah dijangka mengadakan rundingan dengan Koizumi selain Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra.

-- BERNAMA

MFJ MFJ SP MAI